

KENYATAAN MEDIA

HEBAHAN SEGERA

PENDAKI UTM BERJAYA TAKLUK PUNCAK EVEREST

SEPANG, 4 JUN 2016 - Percubaan selama tiga tahun berturut-turut akhirnya membuahkan hasil apabila pendaki Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Farul Aidib Mahamad Yusoff, 22 berjaya menjejakkan kaki di puncak tertinggi dunia, Gunung Everest pada jam 9.46 pagi waktu Nepal diikuti oleh Azim Afif Ishak pada jam 11.22 pagi, 23 Mei 2016.

Farul Aidib adalah pelajar Sarjana Muda Pengurusan (Teknologi), Fakulti Pengurusan, UTM Johor Bahru manakala Azim Afif adalah graduan Sarjana Muda Sains Komputer, Fakulti Komputeran, UTM yang dilantik sebagai jurulatih.

Mereka memulakan pendakian dari Kem 3 pada ketinggian 8,300 meter pada jam 8.30 malam pada 22 Mei 2016.

Tiga lagi anggota sokongan pasukan Misi UTM Everest Tibet 2016, Anis Zulaikha Zabani, 26 graduan Sarjana Muda Sains Komputer dan Nur Fadzillah Nawawi, 23 graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Petroleum UTM. Manakala Ahmad Fikry Abu Bakar, 32 adalah jurugambar bebas.

Mereka berlepas dari KLIA2 ke Kathmandu, Nepal pada 9 April 2016 sebelum meneruskan penerbangan ke Lhasa, Tibet. Semua mereka selamat kembali ke tanah air menerusi KLIA2 pada jam 10.15 malam, 4 Jun 2016.

Pendakian menerusi Tibet adalah percubaan yang ketiga selepas percubaan pertama pada tahun 2014 dan kedua pada 2015 melalui Nepal dibatalkan disebabkan runtuh salji dan gempa bumi.

Kepulangan mereka disambut oleh Naib Canselor Profesor Datuk Ir. Dr. Wahid Omar, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Mahasiswa dan Alumni Profesor Datuk Dr. Mohd Ismail Abd Aziz, Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur, Profesor Dr. Durrishah Idrus, staf dan pelajar UTM.

Pro Canselor UTM, Tan Sri Dr. Salleh Mohd Nor selaku Penaung Misi UTM Everest Tibet 2016 tidak dapat hadir kerana berada di luar negara.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut sila hubungi;

SABRI BIN AHMAD
Penolong Pendaftar Kanan (Media)
Pejabat Hal Ehwal Korporat
UTM, Johor Bahru

H/p: 019-7522000
Email: sabri@utm.my

FARUL AIDIB BIN MAHAMMAD YUSOOF
H/p: 014 828 8277

AZIM AFIF BIN ISHAK
H/p: 017 5897677